

29 JUN 2003

Kelantan-Mikro

SERAMAI 945 PENIAGA DAPAT PINJAMAN KREDIT MIKRO

KOTA BAHARU, 29 Jun (Bernama) -- Sebanyak 945 orang peniaga kecil di Kelantan telah mendapat pinjaman melalui Skim Kredit Mikro berjumlah RM6.78 juta yang diperuntukkan oleh kerajaan baru-baru ini.

Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) Kelantan Datuk Ramli Abdul Rahman berkata pinjaman itu dikeluarkan melalui dua agensi kerajaan pusat iaitu Bank Pertanian dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

"Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (Tekun) belum mengeluarkan sebarang pinjaman tetapi sedang dalam proses untuk mendapatkan kelulusan," katanya pada sidang media di pejabatnya di sini semalam.

Ramli berkata Bank Pertanian telah mengeluarkan pinjaman sebanyak RM5 juta kepada 350 orang peminjam manakala AIM pula sebanyak RM1.78 juta yang diagihkan kepada 595 orang pemohon.

Beliau berkata 274 orang lagi pemohon yang membuat permohonan dengan Bank Pertanian sedang dalam proses untuk mendapatkan kelulusan.

Ramli berkata orang ramai diberi peluang untuk membuat pinjaman itu dan mereka akan dipertimbangkan oleh pihak bank sekiranya peminjam mempunyai syarat yang ditetapkan oleh kerajaan.

Baru-baru ini Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan pakej rangsangan ekonomi berjumlah RM7.3 bilion antaranya untuk membantu usahawan kecil dan sederhana dalam meningkatkan perniagaan mereka.

Dari jumlah itu sebanyak RM500 juta disalurkan melalui Bank Pertanian, BSN sebanyak RM300 juta dan masing-masing RM200 juta kepada AIM serta Tekun.

Ramli berkata jabatannya mencadangkan keempat-empat agensi terbabit supaya menubuhkan sebuah jawatankuasa bagi menyelaraskan pinjaman yang diperuntukkan oleh kerajaan itu.

Katanya penyelarasan itu penting bagi mengelak pertindihan dan rekod pencapaian peminjam yang pernah membuat pinjaman melalui AIM serta Tekun sebelum ini.

Ada di antara peminjam tidak pernah membayar balik kepada Tekun serta AIM dan mereka ini tidak dipertimbangkan untuk membuat pinjaman seterusnya, kata beliau lagi.

-- BERNAMA

MNR ROS